



**SIARAN AKHBAR
MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN
BAGI MANGSA BANJIR DAERAH BRUNEI MUARA**

Bandar Seri Begawan, Selasa, 21 Februari 2018- Kejadian hujan lebat yang berlaku secara berterusan pada 20 Disember 2017 yang lalu telah mengakibatkan banjir kilat di beberapa kawasan rendah di negara ini dan kawasan yang teruk terjejas di Daerah Brunei Muara ialah Mukim Lumapas, Kampung Tanah Jambu dan Kampung Subok. Bagi meringankan beban mangsa-mangsa tersebut, satu majlis penyampaian bantuan kewangan kerajaan kepada 121 orang mangsa banjir di Kampung Lumapas A, Kampung Lumapas B, Kampung Tanah Jambu dan Kampung Subok telah diadakan pagi ini di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kerajaan ialah Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah Awang Misli bin Haji Abdul Karim, Pegawai Daerah Brunei Muara, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd Tahir, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Awang Haji Bahar bin Mansor, Penghulu Mukim Lumapas, Awang Haji Mohd Yassin bin Haji Hassan, Ketua Kampong A, STKRJ Lumapas, Awang Haji Chuchu bin Haji Serudin, Ketua Kampong Lumapas B, pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat serta ketua-ketua kampung daripada kawasan-kawasan yang terjejas.

Bantuan kerajaan yang dihulurkan ini adalah diharapkan sedikit sebanyak akan dapat membantu meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa terjejas untuk memulakan kehidupan seperti sedia kala.

Tamat

*Disediakan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*